

SEJARAH RINGKAS PERSATUAN KWONGSAI BENTONG

=====

Kertas Penyelidikan Bagi

Kursus HSM 411

"Dokumen-Dokumen Dalam Sejarah Malaysia"

Chow Tak Sing

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Universiti Sains Malaysia

28 Mac 1984

=====

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Penghargaan	1
Pengenalan	2
Bab I : Sejarah Awal Kumpulan Etnik Kwongsai Di Bentong	4
Bab II : Penubuhan Dan Perkembangan Persatuan Kwongsai Bentong 1910 - 1936	17
Bab III : Persatuan Kwongsai Bentong Dalam Tempoh 1937 - 1956	30
Penutup	45
Lampiran-Lampiran	48
Bibliogfafi	53

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Setiausaha Persatuan Kwongsai Bentong kerana membenarkan saya meneliti dokumen-dokumen yang berkenaan serta mengambil gambar pengasas-pengasas Persatuan ini.

Ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Cheah Boon Kheng, Pensyarah Bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, atas nasihat, galakan dan bimbingan beliau yang tidak ternilai dalam tulisan saya ini.

Tidak ketinggalan juga rasa terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Chew Pee Choy, kawan karib saya, yang banyak mengorbankan masa dan tenaga untuk menolong saya dalam temuramah-temuramah dan mengambil gambar-gambar.

Di samping itu saya juga terhutang budi kepada Encik Chau Teik Fei, bekas Pengerusi Persatuan Kwongsai Bentong, Encik Phoon Chui Zhi, seorang penghijrah awal, serta mereka yang turut terlibat dalam temuramah-temuramah.

Chow Tak Sing
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
28 Mac 1984



❖ 圖 面 正 館 會 本 ❖

BANGUNAN PERSATUAN KWONGSAI BENTONG

Pengenalan

Betong adalah sebuah daerah yang terletak di bahagian barat Pahang. Jaraknya dari Kuala Lumpur kira-kira 70 km. Walaupun bandar Bentong telah diasaskan oleh towkay Loke Yew (seorang Kantonese) pada tahun 1898,¹ tetapi Bentong tidak menjadi sebuah daerah sehingga tahun 1921. Sebelum tahun 1921 ia hanya merupakan sebahagian daripada daerah Raub.²

Nama daerah Bentong jarang-jarang muncul dalam tulisan-tulisan sejarah, jika muncul pun secara sambil lewa saja dan tidak merupakan satu kajian yang khusus mengenai mana-mana satu perkara yang berkaitan dengan Bentong. Ini mungkin disebabkan tiada apa-apa peristiwa atau perkara yang menarik perhatian para sejarawan. Tetapi, sebagai seorang anak tempatan, saya rasa bukan sama sekali tiada perkara yang 'layak' dimasukkan ke dalam sejarah. Setelah mengadakan satu tinjauan yang agak menyeluruh, saya dapati Persatuan Kwongsai Bentong merupakan satu badan yang sangat istimewa dan oleh itu mendorong saya memilihnya sebagai tajuk penyelidikan saya. Keistimewaannya terletak pada hakikat bahawa ia bukan saja merupakan pertubuhan

1. Pada tahun 1897, Loke Yew mendapat konsesi untuk membuka lombong-lombong bijih timah di kawasan-kawasan seluas 4000 ekar di Bentong. Dalam laporan 1898, Clifford mengatakan bahawa "in a single year a township of respectable dimensions has sprung up...." P.A.R. 1898, m. 11. Lihat juga R.G. Cant, An Historical Geography of Pahang (Singapore, 1972), p. 49.
2. R.G. Cant, ibid., m. 73, notakaki no. 10.